

c. **Program marin Serantau**

ii. **Revolving Fund Committee (RFC)**

Tabung RFC ini telah ditubuhkan pada 11 Februari 1981 melalui *Memorandum of Understanding* bersama-sama *Malacca Straits Council* yang mewakili *Japanese Non-Governmental Association* untuk mewujudkan satu **Tabung Pusingan Selat Melaka dan Selat Singapura** bertujuan **melawan tumpahan minyak berpunca dari kapal-kapal yang melalui perairan Selat Melaka dan Selat Singapura**. Jawatankuasa Tabung Pusingan atau *Revolving Fund Committee* (RFC) telah dibentuk untuk mengurus dan mengawalselia tabung ini yang terdiri daripada:

- i. Ketua Pengarah Perhubungan Laut Indonesia mewakili Kerajaan Indonesia;
- ii. Ketua Pengarah Alam Sekitar Malaysia mewakili Kerajaan Malaysia; dan
- iii. Pengarah Laut *Maritime Port Authority* (MPA) mewakili Kerajaan Singapura.

Pengurusan Tabung ini dilaksanakan secara bergilir-gilir dikalangan tiga (3) buah negara anggota iaitu Malaysia, Singapura dan Indonesia bagi tempoh lima (5) tahun setiap giliran. Pada tahun 2017, pengurusan tabung ini telah ditadbir oleh Ketua Pengarah Alam Sekitar untuk tempoh lima (5) tahun dan akan berakhir pada tahun 2022.

Antara kerjasama yang dijalankan di bawah RFC termasuk mesyuarat tahunan iaitu Mesyuarat Teknikal RFC dan Mesyuarat Jawatankuasa RFC yang dihadiri oleh ketiga-tiga negara ahli termasuk wakil dari Malacca Straits Council dari Jepun yang bersidang untuk membincangkan program-program yang akan dijalankan di RFC. Antara program-program di bawah RFC termasuk:

- i. *Regional Workshop* bagi tujuan *capacity building* di kalangan negara ahli RFC
- ii. *International Symposium and Conference* bertujuan perkongsian maklumat serta teknologi terkini dalam kawalan tumpahan minyak
- iii. *Regional Oil Spill Exercise* melibatkan *table-top exercise* dan *oil spill response equipment deployment exercise*.